

BM  
08/02/09  
MIS  
22-23

# Derita rakyat Gaza meruntun sanubari

## Krisis kebuluran, mangsa bom hitung nafas terakhir

Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin yang berada di Gaza baru-baru ini  
bhnews@bharian.com.my

**B**UKAN dinamakan manusia jika air mata tidak tumpah walaupun setitis sebaik menjejakkan kaki di bumi Gaza, yang kini menjadi medan kuburan beribu warganya yang syahid angkara kekejaman Zionis.

Pengalaman berada di bumi bergolak itu tidak dapat digambarkan sepenuhnya menerusi tulisan ini kerana bagi diri saya sendiri ia sangat-sangat memberi kesan dan keinsafan.

Kali pertama menyelusuri lorong Kota Gaza, saya bersama jurugambar *Berita Harian*, Tun Izhar Tun Ishak terpaksa menahan sebak apabila pandangan mata kerap dirobek dengan wajah duka penduduk Gaza kerana kehilangan ahli keluarga selain mengemis simpati.

Di setiap ceruk bandar Gaza, ada saja wajah duka kanak-kanak malang menghulur tangan meminta makanan atau apa saja yang boleh mengalas perut.

Keadaan ini membuat saya sayu kerana bilangan kanak-kanak malang ini bukan boleh dibilang dengan jari, malah ada masanya hingga mencecah ratusan orang di jalanan.

Malah teksi yang saya naiki hampir terbalik akibat dirempuh gerombolan kanak-kanak malang ini yang terlalu lapar selepas wartawan NST, Marc Lourdes, bermurah hati menghu-

lurkan gula-gula melalui tingkap teksi.

Kejadian cemas yang berlaku selepas solat Jumaat di Masjid Deir El Balah itu yang disaksikan mata sendiri menyebabkan kawasan terbabit seolah-olah dikuasai kanak-kanak yang sedaya mungkin mahu mendapatkan bahagian makanan masing-masing.

Detik cemas lebih 15 minit itu turut menyaksikan wartawan *Majalah 3*, Nurul Syuhada Nurul Ain Mohd Zin dan wartawan TV9, Norazura Abu Samah turut dikejar oleh kanak-kanak Gaza yang meminta supaya bungkusan makanan yang dibawa diserahkan.

Adegan tarik-menarik selain Nurul Syuhada ditumbuk bagaimanapun berakhir selepas pemandu teksi dan beberapa lelaki dewasa mengusir kanak-kanak malang ini yang berusia sekitar lima hingga 12 tahun.

Biarpun kami sedikit terkejut, namun bagi rata-rata penduduk Gaza, kejadian itu adalah pemandangan lazim selepas berakhir serangan 22 hari tentera Israel di Kota Gaza yang bermula 18 Disember lalu.

“ Mereka benar-benar lapar dan terdesak. Kami sendiri tidak punya makanan untuk diberikan... jadi apa yang dapat kami lakukan ”

*Penduduk Gaza*



PENULIS bergambar berlatarkan bangunan Kementerian Dalam Negeri Hamas yang musnah dibedil tentera Zionis.



TUN IZHAR TUN IBRAHIM / BERITA MINGGU

Mereka mendakwa, kanak-kanak ini bukan saja yatim piatu, malah kebanyakan ibu bapa mereka tidak mempunyai pekerjaan dan sumber pendapatan akibat serangan Zionis yang memusnahkan hampir seluruh ekonomi Gaza.

Tindakan agresif kanak-kanak malang ini tidak boleh disalahertikan berikutan apa yang berlaku dianggap tragedi kemanusiaan terbesar dunia yang berlarutan sejak 60 tahun lalu.

"Mereka benar-benar lapar dan terdesak. Kami sendiri tidak punya makanan untuk diberikan... jadi apa yang dapat kami lakukan," kata mereka buntu.

Krisis keburlaran rakyat Gaza kini semakin kritikal apabila rejim Zionis menggunakan alasan memerangi pejuang Hamas untuk meneruskan sekatan demi sekatan

yang akhirnya menjadikan hampir dua juta penduduk Palestin di Gaza menanggung penderitaan.

Serangan Zionis yang meragut lebih 1,300 nyawa termasuk 400 kanak-kanak ini turut memusnahkan bukan hanya infrastruktur keselamatan di Gaza, malah turut meranapkan hampir 30 ribu kediaman, 28 masjid, 215 kilang makanan dan industri termasuk berpuluh pejabat kerajaan Hamas.

Ketika melawat Hospital Al-Quds dan Hospital Al-Sifa', bilangan pesakit yang cedera akibat perang terus memenuhi setiap bilik wad dengan pelbagai kecederaan parah akibat pelbagai jenis senjata berat atau biologi yang digunakan tentera Israel.

Kebanyakan pesakit yang buta mata, hilang kaki atau tangan, selain koma hanya mampu menagih belas doa sambil ditemani kaum keluarga terdekat.

Apa yang sangat meruntun jiwa saya ialah apabila melihat pesakit yang merintih pedih apabila ubun kepala mereka terus dimamah oleh kimia fosforus putih kesan bom syaitan milik tentera Israel.

Mungkin saya tidak berasakannya, tetapi melihatkan keadaan cairan nanah dan darah mengalir keluar dari balutan luka hingga membasahi bantal di kepala dapat dirasa tanggungan pesakit akibat denyutan dan bisa kesakitan.

Ketika itulah saya sempat melihat beberapa gadis bertudung dan berjubah hitam muncul menghampiri katil beberapa pesakit sambil menadah tangan serta menghulurkan sekuntum mawar merah bersama sebungkus coklat kepada setiap pesakit.

Riak wajah penuh keikhlasan gadis Palestin ini sedikit sebanyak dapat mengubati lara hati kebanyakan pesakit di hospital berkenaan biarpun ada antara mereka hanya menghitung hela nafas terakhir.

Tatkala ditanya, salah seorang gadis yang memperkenalkan diri sebagai Aisha, 21, mendakwa hadir bersama rombongan 10 pelajar Universiti Al-Azhar cawangan Gaza untuk melawat dan mendoakan kesejahteraan pesakit di hospital berkenaan.

Katanya, kuntuman mawar merah yang diberikan diharap dapat memberi semangat kepada saudara Islamnya supaya tabah dan sabar dalam menghadapi ujian besar Allah SWT.

Sepanjang lima hari berada di bumi Gaza, jarang sekali untuk saya bersua senyuman atau tawa riang penduduknya yang terus dipalit duka selepas apa dimiliki lenyap dimusnahkan peluru berpandu, kereta kebal mahupun jet pejuang Israel.

Yang jelas mereka bagaikan terus diganyang tentera Israel yang mengepung baik dari tanah sempadan, laut dan udara hingga menyebabkan penduduk Gaza ini dihimpit derita yang tiada penghujung.



**ANGGOTA** Pemuda Masjid dari kiri; Dr Janul Azhar bersama Shahlan Saruddin mendengar keluhan penduduk kampung Zaitun yang diserang tentera Israel.